

20/12/2003

Galeria papar kehidupan Dr M

KUALA LUMPUR: Orang ramai dapat melihat cara hidup dan koleksi peribadi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sekeluarga dengan berkunjung ke Galeria Sri Perdana yang akan dirasmikan hari ini.

Galeria yang diwujudkan di Sri Perdana iaitu kediaman rasmi lama Perdana Menteri, bertujuan memperingati dan mengenang sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Ia adalah kediaman rasmi Dr Mahathir sekeluarga dari 23 Ogos 1983 sehingga 18 Ogos 1999 sebelum berpindah ke kediaman rasmi baru Perdana Menteri di Putrajaya.